

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG
(TEBRAU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.10.2017

Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah 'trend' harga minyak mentah yang kini merupakan salah satu punca utama pendapatan negara kita. Apakah usaha Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada minyak mentah serta mempelbagaikan punca pendapatan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Harga minyak mentah global, Brent telah menunjukkan trend pemulihan kepada purata USD52.05 setong dalam tempoh sembilan bulan pertama 2017 berbanding USD42.04 setong bagi tempoh yang

sama tahun lepas. Peningkatan dalam harga minyak global ini berikutan langkah negara pengeluar dalam kalangan anggota Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC yang mengehendkan pengeluaran serta disokong oleh peningkatan dalam permintaan, terutamanya dari China.

2. Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 5.7% dalam tempoh separuh pertama 2017 berbanding 4% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lalu. Pertumbuhan ini disokong oleh struktur dan asas ekonomi yang pelbagai, di mana sektor perkhidmatan menyumbang 54.2% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) diikuti sektor pembuatan sebanyak 23.2%. Sebaliknya, sektor perlombongan hanya menyumbang sebanyak 8.7%. Sementara itu, usaha mempelbagaikan produk dan pasaran giat dilaksanakan untuk menyokong prestasi perdagangan negara yang secara tidak langsung membantu mengurangkan kebergantungan kepada hasil eksport minyak. Pada masa ini, produk elektrik dan elektronik (E&E) merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah eksport kira-kira 36% berbanding minyak mentah hanya sebanyak 3%.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Dari aspek fiskal negara, peratusan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah keseluruhan hasil Kerajaan telah menurun daripada 41% (RM65.6 bilion) pada tahun 2009 kepada 14.6% (RM31 bilion) pada tahun 2016. Ini menunjukkan kebergantungan kepada hasil berasaskan petroleum telah berkurang berikutan pelaksanaan langkah-langkah mempelbagaikan peningkatan hasil terutamanya daripada sumber pendapatan selain minyak dan gas. Antara langkah utama untuk memperluas asas cukai (*broaden the tax base*) supaya tidak hanya bergantung kepada cukai pendapatan dan hasil berasaskan petroleum, adalah pelaksanaan GST bermula April 2015. Jumlah kutipan GST adalah sebanyak RM41.2 bilion pada tahun 2016, lebih tinggi berbanding purata jumlah kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) sekitar RM18 bilion setahun, sekaligus mengimbangi kehilangan hasil daripada pendapatan berkaitan petroleum.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah menubuhkan Collection Intelligence Arrangement (CIA) pada tahun 2016 sebagai salah satu usaha berterusan untuk mengurangkan pengelakan, pelarian dan ketirisan cukai. Keahlian CIA merangkumi Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. CIA menyediakan platform

perkongsian maklumat bersepadu antara agensi bagi meningkatkan penguatkuasaan dan pematuhan serta menangani ekonomi tidak formal, sekaligus mengurangkan jurang cukai.

5. Di samping itu, antara langkah lain bagi meningkatkan kutipan hasil adalah seperti berikut:

- a. Menambahbaik pentadbiran cukai supaya lebih cekap dalam pungutan cukai;
- b. Meningkatkan penggunaan e-filing dan kemudahan untuk membayar cukai termasuk pembayaran cukai secara atas talian;
- c. Meningkatkan pematuhan cukai termasuk melalui penguatkuasaan dan pengauditan cukai yang lebih baik; dan
- d. Memperteguh asas-asas ekonomi makro negara untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dan keuntungan sektor swasta, seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan Persekutuan.

63

SOALAN (27)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 OKTOBER 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]

SOALAN :

YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan pelaburan PETRONAS di luar negara masa kini daripada segi jumlah pelaburan, negara terlibat, pengeluaran dan hasil pendapatan yang diperoleh serta potensi pelaburan baru.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah entiti perniagaan yang berdaya saing, PETRONAS mengamalkan penilaian secara berterusan terhadap pulangan aset pelaburan sedia ada serta potensi pelaburan yang baru, sama ada untuk peringkat domestik mahupun luar negara. Antara faktor yang diambil kira adalah pulangan pelaburan jangka masa panjang yang kompetitif dan kedudukan portfolio perniagaan secara keseluruhan yang kukuh dan seimbang.

Lantaran itu, kedudukan pelaburan PETRONAS di luar negara adalah dinamik yang mana PETRONAS kini beroperasi di lebih 30 buah negara. Maklumat lanjut berkaitan operasi semasa PETRONAS di luar negara boleh di dapati menerusi Laporan Tahunan PETRONAS di sesawang rasmi PETRONAS. Bagi pelaburan yang baru, PETRONAS menasarkankan rantau yang berpotensi tinggi untuk memperkembangkan dan mengukuhkan portfolionya seperti di ASEAN, Kanada, Teluk Mexico dan Asia Barat.

65

Jumlah purata pelaburan perbelanjaan modal luar negara PETRONAS semenjak 2012 sehingga 2016 adalah sebanyak RM19 billion setahun iaitu kira-kira 35 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan modal PETRONAS. Manakala, hasil pendapatan PETRONAS dari pelaburan luar negara pula adalah sebanyak RM76 bilion untuk tahun kewangan 2016.

Sekian, terima kasih.

24 Oktober 2017